

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	22/3/2021	MUKA SURAT	: 20
JABATAN	:	KeTSA / JPSM / BBP		
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN		

Kuala Lumpur

Bernama

Komitmen 50% Keluasan hijau

Harian Metro 22/3/2021 n1520

Dasar Perhutanan Malaysia jadi panduan Semenanjung, Sabah & Sarawak

Dasar Perhutanan Malaysia akan menjadi rujukan dan panduan kepada dasar perhutanan negeri di Semenanjung, Sabah dan Sarawak, kata Menteri Tenaga dan Sumber Asli Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah.

Beliau berkata, pengubahan dasar berkenaan adalah manifestasi komitmen negara dalam melaksana pengurusan hutan secara berkekalan.


"Ya adalah agenda utama dalam negara dan prinsip dipegang di peringkat antarabangsa," katanya dalam ucapan aulan sempena Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia dan Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2021 di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di sini, semalam.

Shamsul Anuar berkata, Dasar Perhutanan Malaysia dipersetujui semua kerajaan negeri pada mesyuarat Majlis Tanah Negara ke-78 pada 29 Januari lalu.

Beliau berkata, dasar itu melalui proses rundingan antara tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak sejak 2016.

Selain itu, beliau berkata, mesyuarat berkenaan juga bersejua dengan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi menggantikan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung.

"Ketiga-tiga dasar perhutanan wilayah iaitu Dasar Hutan Sabah, Dasar Hutan Sarawak dan Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang memberi tumpuan kepada penguatkuasaan pengurusan hutan secara berkekalan menjadi sebahagian



MUHYIDDIN bercap pada Majlis Pelancaran Dasar Perhutanan Malaysia sempena Sambutan Hari Hutan Antarabangsa peringkat kebangsaan tahun 2021 di Taman Botani Kepong, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), semalam.

Penyatuan jujung kali semua negeri

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Dasar Perhutanan Malaysia yang dilancarkan semalam menyaksikan penyatuan jujung kali semua negeri di Malaysia dalam bidang perhutanan negara yang menjangkau usia 120 tahun.

Perdana Menteri berkata, semua negeri bersejua menerima dasar itu yang menggariskan hala tuju jelas sektor perhutanan dalam mendepani cabaran baharu di peringkat domestik dan antarabangsa pada mesyuarat Majlis Tanah Negara (MTN) ke-78 yang diadakan 29

Januari lalu.

"Saya ingin tekankan Dasar Perhutanan Malaysia ini adalah dasar kita bersama. Kita semua harus bertindak dan memainkan peranan yang lebih aktif sebagai ejen konservasi dan penggerak pembangunan sosioekonomi negara.

"Saya berharap usaha bersama kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri dalam melaksanakan kelima-lima objektif Dasar Perhutanan Malaysia akan terus padu bagi mencapai sasaran yang dihasratkan," katanya.

daripada Dasar Perhutanan Malaysia," katanya.

Sementara itu, Shamsul Anuar berkata, selain daripada pelancaran Dasar Per-

hutanan Malaysia, Kementerian juga beraja melakan beberapa pencapaian dalam sektor perhutanan walaupun negara bergelut

dengan pandemik Covid-19. Antaranya ialah Agenda Penghijauan Malaysia: Kempen Penanaman 100 juta pokok dan penanaman 18.75 ju-

ta pokok di seluruh negara pada tahun lalu.

Selain itu, pencalonan Bukit Bendera, Pulau Pinang sebagai tapak rizab biosfera di bawah program Man and the Biosphere (MAB), UNESCO, pencalonan Taman Negara Johor Endau Rompin sebagai Asean Heritage Park ke-4 di Malaysia serta penghantaran pulang sembilan Orang Utan ke Indonesia selain penetapan Cactus Terbang Tahunan (CTT) untuk negeri-negeri bagi tempoh 2021 hingga 2025.

Beliau juga memberi jaminan komitmen kerajaan bahawa pelbagai inisiatif dan program mengenai pemuliharaan hutan dan biodiversiti akan terus dipergiat, diperbaiki dan diper-

kukuhkan dari semasa ke semasa.

"Tumpuan khusus akan diberikan kepada Agenda Nasional Penghijauan Malaysia bagi meningkatkan pemuliharaan hutan menurusi aktiviti penanaman pokok, rehabilitasi dan restorasi kawasan hutan terosot dengan kerjasama kerajaan negeri di bawah Rancangan Malaysia ke-12," katanya.

Beliau juga mengulangi komitmen kerajaan mengedahkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara sebagai hutan dan litupan pokok seperti diiktirakan ketika Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro, Brazil pada tahun 1992.

Katanya, litupan kawasan berhutan di Malaysia pada masa ini ialah 55.3 peratus meliputi kawasan seluas 18.27 juta hektar daripada keluasan tanah negara.

"Justeru, keluasan kawasan berhutan berkenaan wajar dipelihara dan dipulihara oleh kita semua," katanya.

Dr Shamsul Anuar Nasarah